

11/03/2005

Bukan masa rancang 'Projek 007'

Oleh Kadir Dikoh

PERHIMPUNAN Agung Umno ke-56 pada Julai ini mungkin 'sunyi' kerana tiada pemilihan, tetapi seperti kata seorang rakan, sudah ada yang 'merisik khabar' untuk persiapan pemilihan pada 2007 yang mereka gelar 'Projek (2)007'.

Ternyata, perkara seperti itu tidak boleh dielak kerana memang mainan orang politik lebih suka memandang ke depan. Sebab itu, sesetengah ahli politik suka bermain catur yang penuh dengan strategi untuk 'membunuh' lawan dan mereka akan berpuas hati jika berjaya mematikan langkah lawan.

Apakah permainan catur untuk pertandingan 2007 itu sudah bermula? Apakah agenda pemilihan itu dirasakan lebih penting daripada agenda untuk terus memperjuangkan nasib rakyat dan orang Melayu menerusi Umno?

Tiga Perhimpunan Agung Umno yang lalu sudah padat dengan pelbagai peristiwa kejutan, air mata, duka dan suka serta mencatat pelbagai sejarah sendiri.

Misalnya, perhimpunan agung pada Jun 2002 dikejutkan dengan pengumuman mengejut peletakan jawatan Tun Dr Mahathir Mohamad dan pada Jun 2003 pula penuh dengan 'suspense' apabila ia menjadi perhimpunan terakhir bagi Dr Mahathir serta isu peralihan kuasa.

Pada perhimpunan agung lalu yang diadakan pada September 2004, keadaan menjadi lebih dramatik dan ada kalanya kelihatan tegang berikutan pemilihan dalam parti sehingga timbul isu seperti politik wang.

Pada waktu itu juga, bahang kehangatan pilihan raya umum yang diadakan pada Mac tahun lalu masih dirasakan. Mereka yang melobi untuk menjadi calon dalam pilihan raya umum itu, melobi pula bagi pemilihan dalam parti - bagaikan tiada ruang untuk bernafas.

Semuanya sudah lama berakhir. Umno semakin kukuh di bawah pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Razak. Ramai muka baru sudah menjadi wakil rakyat dan Kabinet pertama bagi Pak Lah sudah berusia hampir setahun.

Jadi apa yang menariknya pada Perhimpunan Agung Umno kali ini?

"Pada saya perhimpunan agung kali ini adalah perhimpunan yang tiada lagi 'gangguan' dan ini memberi ruang seluas-luasnya kepada perwakilan untuk membincang isu penting seperti masalah sosial dan memberi fokus kepada input bagi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)," kata penganalisis politik, Datuk Mohamed Annuar Zaini.

Beliau yang juga Pengerusi Bernama berkata, walaupun tiada pemilihan, perhimpunan kali ini tidak akan menjadi lesu kerana banyak lagi isu penting yang perlu dibincangkan.

Katanya, sudah beberapa kali Perhimpunan Agung Umno sebelum ini 'terganggu' oleh beberapa peristiwa dan berdasarkan ketiadaan 'gangguan' kali ini, ia boleh dianggap sebagai perhimpunan yang dijangka menarik kerana sepenuh perhatian boleh ditumpukan kepada isu penting membabitkan soal perjuangan bagi orang Melayu.

"Pak Lah sendiri sudah menyatakan tempoh berbulan madu baginya sudah berakhir dan kita berharap semua wakil rakyat menumpukan kerja masing-masing untuk memperjuang nasib rakyat," katanya.

Oleh itu, beliau berkata, adalah diharapkan soal agenda lain seperti untuk 'Projek 007' tidak harus mendominasi perhimpunan kerana jika tidak, Umno akan dilihat seolah-olah menjadi pemilihan itu sebagai agenda khas.

"Memang ada orang menganggap soal pemilihan itu bagaikan soal survival dalam Umno. Saya berharap sayap Wanita, Pemuda dan Puteri memastikan

agenda pemilihan ini tidak mendominasi perhimpunan. Agenda ini patut dikesampingkan.

"Kita jangan lupa, kini negara berada di ambang RMK-9. Perwakilan harus menentukan suara orang Melayu, input orang Melayu dimasukkan dalam agenda untuk RMK-9 itu dan ini harus menjadi fokus orang Umno pada perhimpunan nanti," katanya.

Bagi mereka yang berada dalam Wanita, Pemuda atau Puteri, sudah pasti menjadi harapan mereka untuk menonjolkan diri pada perhimpunan kali ini bagi memperkenalkan diri supaya mendapat perhatian menjelang pemilihan 2007 nanti.

Tetapi mereka harus ingat perhimpunan itu diadakan setiap tahun meskipun pemilihan cuma sekali dalam tempoh tiga tahun.

Bagi Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mashitah Ibrahim, seseorang tidak perlu memegang jawatan dalam parti untuk memberi khidmat kepada rakyat.

Baru-baru ini beliau sudah pindah cawangan dari Shah Alam ke Baling yang diwakilinya.

Apakah Dr Mashitah juga sudah mula 'merisik khabar'? Apakah beliau yang kini tiada sebarang jawatan dalam parti kecuali sebagai ahli biasa, ingin merebut jawatan dalam Wanita pada 2007 nanti?

"Umur saya dah 40 tahun, takkan nak masuk Puteri kan? Mestilah saya pergi kepada Wanita Umno. Ya, jika ramai yang mahukan khidmat saya, saya bersedia (bertanding)," jawabnya dengan penuh yakin dan amat berminat sekali untuk menyertai Perhimpunan Agung Wanita Umno Julai ini.

"Saya mahu pembabitan yang lebih serius dalam Umno kerana ia sebagai wadah terbaik untuk mengubah paradigma orang Melayu yang banyak 'berpenyakit' sejak di zaman Tun Dr Mahathir lagi iaitu penyakit orang Melayu yang malas dan tak bersungguh-sungguh," katanya.

Beliau berkata, Islam Hadhari yang diperkenalkan Pak Lah antara kaedah terbaik untuk mengubati segala penyakit itu.

Itu harapan suci beliau, tetapi mungkin terlalu awal untuk menyatakan sama ada Dr Mashitah berupaya mendendangkan lagu I will survive jika turut bersaing dalam pemilihan nanti.

Tan Sri Mohd Isa Samad pun tidak berani mendendangkan lagu itu sebelum perwakilan Umno membuang undi pada perhimpunan lalu, tetapi berjaya meraih undi tertinggi bagi jawatan Naib Presiden sehingga Menteri Wilayah Persekutuan itu sendiri dikatakan terkejut.

Kata orang tidak sukar untuk menang, tetapi amat sukar untuk mengekalkan kemenangan. Contoh terbaik ialah Najib yang berjaya meraih undi tertinggi bagi jawatan Naib Presiden untuk tiga penggal berturut-turut.

Perhimpunan Agung Umno kali ini diadakan selama lima hari dari 19 hingga 23 Julai, manakala mesyuarat cawangan ditetapkan selama satu setengah bulan mulai 3 Mac lalu hingga 17 April serta mesyuarat perwakilan bahagian selama 24 hari dari 5 Mei hingga 29 Mei.

Mungkin kerana tiada pemilihan kali ini, ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno dibenar merasmikan persidangan Umno bahagian. Sebelum ini, Umno membuat keputusan mesyuarat bahagian dan cawangan hanya boleh dirasmikan ketua masing-masing bagi mengelak politik keterlaluan.

Ketika berucap dalam lawatannya ke Seremban baru-baru ini, Pak Lah mahu mesyuarat cawangan dan bahagian Umno dijadikan medan untuk ahli mengemukakan cadangan membina bagi menambah baik pentadbiran kerajaan serta parti.

Presiden Umno itu juga menasihatkan semua ahli parti supaya membahaskan cadangan yang membina, berdasarkan maklumat yang terbukti kesahihannya dan bukannya isu berasaskan khabar angin semata-mata.

"Kalau hendak betulkan kerajaan dan parti pemerintah, ia hendaklah

dibuat dalam parti," katanya yang berharap mesyuarat kali ini akan benar-benar membawa hasil lebih baik, berlainan dengan mesyuarat sebelum ini.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, meminta pemimpin dan ahli Umno menggunakan persidangan mesyuarat tahunan sebagai penggerak membincangkan pelaksanaan semua yang berkaitan pembangunan agenda Melayu.

Beliau berkata, ahli dan pemimpin Umno perlu menggunakan kesempatan itu untuk mengatur dan menggerakkan program yang bermatlamat meningkatkan martabat bangsa dan agama.

Bagi Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib pula, masanya sudah tiba bagi Umno meningkatkan perkhidmatan sosialnya kepada rakyat kerana fungsinya tidak wajar disempitkan terhadap agenda berunsur politik atau untuk memenangi pilihan raya semata-mata.

Katanya, Umno boleh memberikan pelbagai nilai tambah kepada anggota masyarakat, seperti menzahirkan idea mewujudkan pusat maklumat di setiap pejabat Umno bahagian. Langkah itu boleh menarik orang ramai mendekati Umno dan menghargai parti itu sebagai penyalur maklumat setempat.

Pemuda Umno Wilayah Persekutuan sudah pun melangkah setapak ke depan dengan cadangan membina empat kiosk maklumat di beberapa kawasan yang mempunyai masalah sosial dan jenayah tinggi serta menjadi tumpuan orang ramai.

Ketua Pemuda Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Mohamad Norza Zakaria, berkata kawasan itu ialah Bukit Bintang, Jalan Chow Kit, Menara Berkembar Petronas (KLCC) dan Jalan San Peng.

Kiosk itu akan dibekalkan dengan maklumat dan risalah berkaitan kawasan berkenaan selain risalah mengenai jenayah terutama ragut serta samun supaya orang ramai lebih berhati-hati.

Puteri Umno pula pada mesyuaratnya baru-baru ini meluluskan penubuhan Unit Aduan Awam sayap itu dengan segera, berfungsi menerima aduan daripada orang ramai, khususnya berkaitan masalah perundangan dan sosial.

Unit itu yang diletakkan di bawah Jawatankuasa Perundangan Puteri Umno, menjanjikan komitmen dan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai. Ia diketuai Ketua Puteri Pulau Pinang, Azlina Mehtab Mohd Ishaq, manakala timbalannya ialah Naib Ketua Puteri, Rosnah Abdul Rashid Shirlin. Mereka berdua adalah peguam bertauliah.

Jika melihat kepada segala agenda yang digariskan itu, sudah pasti Umno akan terus unggul pada mata masyarakat. Malah, pemimpin Umno pelbagai peringkat perlu menjadi penggerak motivasi untuk membentuk serta melahirkan masyarakat Melayu yang unggul pada persada antarabangsa.

Ingatlah kata Pak Lah - bulan madu sudah berakhir.

(END) Source : Berita Harian